



KEADAAN Toyot Hilux yang terbalik selepas bertembung Perodua Alza dinaiki lima sekeluarga di KM62 Lebuhraya Timur Barat, Jeli-Gerik, kelmarin.

LIMA SEKELUARGA TERKORBAN DALAM NAHAS

‘Emak peluk saya erat’



ANGGOTA bomba berusaha mengeluarkan mangsa

Muhammad Zulsyamin
Sufian Suri dan
Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

Butterworth

“**K**ami semua dah selesai kat (dekat) sini, nak gerak balik SP (Sungai Petani),” kata Siti Fatimah Mohd Rodhi, 27, mengulangi kata-kata terakhir ibunya Sharifah Rohana Syed Sagaf, 59.

Siti Fatimah adalah ahli keluarga terakhir yang berbuat melalui panggilan video dengan lima ahli keluarganya kira-kira jam 12 tengah hari kelmarin sebelum mereka semua disahkan meninggal dunia dalam kemalangan di Kilometer (KM) 62 berhampiran Banjaran Titiwangsa, Lebuhraya Timur Barat, Jeli-Gerik dekat Perak.

Mengulas lanjut, Siti Fatimah berkata, ketika menghubungi ibunya, semua ahli keluarganya iaitu ayah, Mohd Rodhi Othman, 64, kakak, Siti Aishah Mohd Rodhi, 32, abang ipar, Ahmad Khomaini Abu, 32, serta anak saudaranya, Zara Hana Ahmad Khomaini, 6, berada dalam kereta Perodua Alza itu.

“Saya hubungi emak ta-

nya khabar, perkembangan mereka. Mak cakap urusan kat sana (Kelantan) sudah selesai dan mereka mahu pulang ke SP (Sungai Petani). Emak juga tunjukkan video semua (ahli keluarga) yang berada dalam kereta,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Anak keempat daripada lima beradik itu berkata, lima ahli keluarganya itu berada di Kelantan sejak Jumaat bagi menghantar seorang lagi kakaknya, Siti Khadijah yang mengikut pengajian pondok di sana.

Katanya, panggilan video itu berakhir selepas beberapa ketika namun semua ahli keluarganya tidak menunjukkan sebarang perubahan sikap.

Mengulas lanjut, katanya, kira-kira jam 4 petang, dia mendapat panggilan dari individu tidak dikenali yang memaklumkan ahli keluarganya terbabit kemalangan dan memaklumkan mereka semua terkorban.

Menurutnya, dia bersama suaminya bergegas pulang dari Kuala Lumpur ke Sungai Dua di sini, sementara abang sulungnya bergerak ke Hospital Gerik bagi menguruskan kesemua jenazah.

“Memang terkejut sangat sebab baru sahaja bercakap

dengan ibu serta yang lain-lain tiba-tiba mereka pergi buat selama-lamanya.

“Individu yang menghubungi saya memaklumkan dia menelefon saya kerana nampak nombor saya yang terakhir berada di butiran panggilan,” katanya.

Siti Fatimah berkata, kali terakhir dia bertemu ibu bapanya adalah pada cuti Hari Raya Aidiladha, baru-baru ini.

“Ketika itu kami sembang macam biasa sahaja, tiada apa-apa yang pelik atau perubahan sikap yang lain, sama juga seperti semalam mereka semua dalam keadaan baik sahaja. Apa yang berlaku ini sudah menjadi ketentuan, kami reda dengan ujian ini,” katanya.

Sementara itu, anak sulung, Muhammad Firdaus Mohd Rodhi, 35, berkata, ahli keluarganya sepatutnya pulang ke Sungai Petani semalam.

“Mereka mempercepatkan jadual pulang selepas dimaklumkan terdapat kematian ahli keluarga lain,” katanya.

Katanya, ibu-

nya menunjukkan sedikit kelainan sikap apabila pada pagi Jumaat sebelum bertolak ke Kelantan.

“Emak peluk erat saya, dia (ibu) cakap berasa tidak berapa bermaya kerana sakit dada. Emak juga berpesan agar tolong menjaga ikan peliharaannya sepanjang peremgiannya ke Kelantan,” katanya.

Jenazah lima sekeluarga itu dikebumikan dalam satu liang di Tanah Perkuburan Islam Masjid Jamek Haji Abdul Rashid, Sungai Dua di sini.

“**Memang terkejut sangat sebab baru sahaja bercakap Siti Fatimah**”

KEADAAN Perodua Alza dinaiki lima sekeluarga remuk teruk.

Pemandu Hilux hilang kawalan rempuh kereta mangsa

Gerik: Siasatan awal polis mendapati punca nahas mengorbankan lima sekeluarga itu berlaku apabila pacuan empat roda jenis Toyota Hilux dari arah Gerik menuju Jeli, Kelantan hilang kawalan sebelum me-

masuk ke laluan bertentangan dan bertembung dengan Perodua Alza.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalthrash Wahid berkata, pertembungan dua kenderaan dalam kemalangan di KM62, berhampiran

Banjaran Titiwangsa, Lebuhraya Timur Barat, Jeli-Gerik, kira-kira jam 3.45 petang kelmarin itu menyebabkan semua mangsa maut di tempat kejadian.

Menurutnya, mereka yang maut adalah Ahmad Kho-

maini Baba, 32, Siti Aishah Mohd Rodhi, 32, Mohd Rodhi Othman, 64, Sharifah Rohana Syed Sagaf, 59, dan Zara Hana Ahmad Khomaini, 6.

Mengulas lanjut, katanya, kemalangan mengakibatkan pemandu serta empat

penumpang Perodua Alza yang semuanya berasal dari Sungai Petani dan Lunas, Kedah meninggal dunia di tempat kejadian.

“Manakala, pemandu serta tiga penumpang Toyota Hilux yang berasal dari

Tumpat mengalami kecederaan dan dihantar ke Hospital Jeli, Kelantan untuk menerima rawatan,” katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

